

## Peraduan mengarang Perpensis masih terima peserta

24 FEB 1978

PERSATUAN Islam dan Pencak Silat Singapura (Perpensis) masih menerima penyertaan bagi peraduan mengarang dalam bahasa Melayu, Arab dan Inggeris sempena menyambut Maulud Nabi yang dibuka kepada penduduk Singapura.

Peraduan yang dianjurkan sejak Disember tahun lalu itu sepatutnya ditutup dalam Februari lalu tetapi kini tarikh tutupnya ditunda ke 6 Mac.

Peraduan itu terbahagi kepada tiga bahagian iaitu A untuk mereka dibawah 12 tahun, B antara 12 dengan 16 tahun dan C antara 16 dengan 18 tahun.

Bagi Bahagian A, para peserta dikehendaki menulis mengenai "Hiwayat Hidup Nabi Muhammad S.A.W." yang panjangnya dari 200 hingga 300 perkataan.

### Karangan

Bahagian B dikehendaki menulis antara 400 hingga 500 perkataan dibawah tajuk "Riwayat Hidup dan Perjuangan Nabi Muhammad S.A.W." sementara Bahagian C (tajuknya sama dengan Bahagian B) antara 600 hingga 800 perkataan.

Karangan - karangan boleh ditulis dalam bahasa Melayu, Arab atau Inggeris dan dihantar ke alamat Setiausaha Peraduan Mengarang, Persatuan Islam dan Pencak Silat Singapura, 9 Ipoh Lane (15).

Peserta yang menghantar karya mereka diperlukan menulis nama, nombor kad pengenalan, umur dan tarikh lahir, alamat serta Bahagian mana yang disertainya.

Tiga pemenang pertama bagi setiap bahagian akan diberikan hadiah dan lima yang lain diberikan saguhati.

Keseluruhannya, jumlah hadiah yang diberikan dalam bentuk wang ini adalah sebanyak \$675.

Keputusan peraduan akan disiarkan dalam akhbar Berita Harian dan upacara pembahagian hadiah akan dilakukan secara rasmi.

## Silat Harimau: Ahli BKM minta penjelasan Sriwana

25 FEB 1978

SEKALUNG bunga pencak silat mementaskan Malam Dua Drama pada 15 Februari lalu di Panggung Victoria. Sambutan para peminat sungguh menggalakkan.

Sebagai salah seorang penonton, saya mengucapkan syabas kerana pementasan tersebut adalah baik.

Cuma yang menjadi tanda tanya ialah, dalam drama purbawara 'Panca Indera' ada menunjukkan pertarungan yang hebat. Apa yang saya lihat, silat yang ditunjukkan adalah Silat Harimau, dan kebetulan juruacara di akhir pementasan mengumumkan bahawa silat tersebut memang Silat Harimau.

Setahu saya, Silat Harimau yang berdaftar dengan Unit Kawalan Seni Mempertahankan Diri hanya satu saja, iaitu oleh Badan Kesenian Melayu. Dan Sriwana pula, setahu saya, tidak mempunyai kegiatan silat, jauh sekali Silat Harimau.

Oleh itu, sebagai seorang anggota Badan Kesenian Melayu yang sentiasa mengikut perkembangan silat dan drama di Republik ini, saya ingin mendapat penjelasan daripada Sriwana, sama ada ia ada atau tidak menghubungi Badan Kesenian Melayu sebelum menggunakan anggota-anggota silatnya ataupun Sriwana menggunakan Silat Harimau melalui 'pintu belakang'?

Ahli Setia,  
BKM.

## Mansor gesa badan2 bergerak lebih aktif lagi

27 FEB 1978

LEBIH seratus orang penduduk di sekitar Balai Rakyat Zehnder Road dan beberapa kumpulan tempatan telah menghadiri majlis ulang-tahun Persatuan Kudrad Ria Singapura.

Perayaan kecil itu juga adalah sebagai majlis kesyukuran sempena kejayaan persatuan itu dalam Pesta Budaya 77 anjuran Persatuan Kemuning Singapura tahun lepas.

Tamu kehormatan pada malam itu, Encik Mansor Haji Sukaimi, Anggota Parlimen Kg. Kembangan telah mengesakan persatuan - persatuan tempatan untuk bergerak dengan lebih aktif lagi.

Antara lain dia telah menekankan perlunya persatuan memikirkan isi kegiatan dan juga sama ada ia memenuhi keperluan masyarakat yang memerlukan khidmat mereka.

Antara acara-acara yang telah memeriahkan perayaan kecil itu ialah persembahan - persembahan permainan kompiang dan hadrah oleh berbagai kumpulan jemputan.

Pasukan Rebana Ria yang telah menjadi johan dan mendapat hadiah khalfah terbaik dalam peraduan anjuran Kemuning telah memberi satu persembahan.

Di samping itu beberapa pasukan lain yang turut mengambil bahagian ialah Pasukan Hadrah Kemuning, Pasukan Nasyid Zehnder Road, Pasukan Kompiang Fajar Ria, dan Pasukan Hadrah Kudrana Ria dan Kurnia Ria.

### Tujuan

Pasukan Silat Pasak Balai Rakyat Zehnder Road juga telah turut sama menunjukkan kebolehan mereka bermain berbagai alat senjata seperti pisau, pampang, kayu dan keris.

Seorang jurucakap persatuan berkata bahawa persatuan itu telah ditubuhkan kira-kira tiga tahun yang lalu dengan tujuan untuk memberi kesempatan kepada belia di kawasan itu bergiat dengan teratur.

Dari permulaan persatuan yang beranggotakan beberapa orang belia dan beliawanis yang gigih dan berpangkalan di Balai Rakyat itu, telah berjaya menarik minat belia di kawasan sekitar.

Kini persatuan itu mempunyai lebih dari 300 orang anggota yang sebahagian besarnya terdiri dari para pelajar dan belia yang telahpun bekerja.

Pasukan Kendarat persatuan itu hampir setiap minggu telah mendapat undangan ke majlis-majlis persandingan dan masih memerlukan lebih ramai lagi ahli.

Begitu juga dengan jabatan - jabatan seni, pelajaran, sukan dan kebajikan yang sentiasa bergerak dengan berbagai kegiatan yang dijalankan.

Tambahnya lagi, persatuan itu juga mengambil berat atas kegiatan bagi ahli-ahli pelajarnya dan banyak kegiatan yang diatur bertujuan untuk memupuk dan membimbing golongan tadi.

Untuk memperkembangkan lagi pergerakan persatuan itu langkah telah diambil untuk mendaftarkannya di Pendaftar Persatuan dan draf perlembagaan telah pun disiapkan.

Jika pendaftaran diluluskan kelak, pasti persatuan itu dapat menyusun kegiatannya dengan lebih kemas, rapi dan berfaedah bagi ahli-ahli dan masyarakat sekitarnya.